

Tuduh Mahathir tidak tahu Islam

Nik Aziz taksub:

BANDAR SERI
MINH, 24 APR 1997
Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kecewa dengan sikap angkuh dan taksub Nik Aziz Nik Mat yang sanggup menggunakan samseng untuk melaksanakan hukum hudud.

Katanya, perkataan 'gedebe' adalah istilah untuk samseng dan kenyataan Nik Aziz baru-baru ini menunjukkan beliau sanggup mengupah samseng untuk memotong tangan orang.

Perdana Menteri juga menyifatkan tuduhan Nik Aziz bahawa beliau tidak memahami Islam sebagai kenyataan seorang yang angkuh.

"Saya akui pengetahuan saya mengenai Islam tidak seratus peratus. Walaupun saya seorang doktor, saya tidak boleh berkata saya tahu semua dalam bidang perubatan.

"Kita bercakap mestilah berlapik. Jangan dakwa kita tahu semua apa yang kita cakap. Nik Aziz bersikap seolah-olah dia lah yang pandai dan tahu semua mengenai Islam.

"Sikap seperti ini tidak patut ada pada seorang ulama yang mahu orang lain memanggilnya tok guru. Ini juga bukanlah sikap seorang pemimpin Melayu," katanya.

Bagaimanapun Perdana Menteri menjelaskan, Nik Aziz tidak mengetahui kesemuanya mengenai Islam, kerana tidak semua buku mengenai Islam dibaca oleh Nik Aziz.

"Mungkin saya membaca lebih banyak buku daripada dia, terutama buku yang dia tidak dapat baca. Jadi mungkin juga pengetahuan Islam saya lebih banyak daripada Nik Aziz, tetapi saya tidak mahu mendakwa tahu segala-galanya," tegasnya.

Menurut Dr Mahathir



Daripada

A Nazri Abdullah

di Bandar Ha Ohi Minh

isu hukum hudud sengaja diperbesarkan oleh Pas sebagai kempen pilihanraya kecil Bukit Payong.

"Contohnya, Pas memaikan isu hudud dan raja dalam pilihanraya kecil itu jelas tidak berkesan kerana pengundi di Bukit Payong mempunyai pengalaman politik yang luas dan tidak mudah terpengaruh dengan sentimen keagamaan," katanya.

Kemenangan Barisan Nasional merebut kerusi itu juga adalah kejayaan polis mengawal ketenteraman supaya pengundi dapat keluar mengundi.

Katanya, dalam pilihanraya umum yang lalu Pas mengumpul kira-kira 2,000 orang untuk menyekat sebahagian daripada pengundi supaya tidak keluar mengundi.

"Ketika itu polis hanya menempatkan kira-kira 200 anggota dan bagi mengelakkan pergaduhan, polis tidak mengambil tindakan apa-apa. Kali ini polis menempatkan anggota yang lebih ramai dan pengundi tidak takut dengan ugutan penyokong Pas.

Dr Mahathir mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional, Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad serta anggota parti yang bertungkus lumus untuk menentukan kemenangan Barisan Nasional.

PM